

**CONTOH SURAT PERSETUJUAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI  
ALTERNATIF 1 DAN ALTERNATIF 3**

Tarikh :

Bil. Rujukan :

Tetuan .....

.....  
.....  
.....

Tuan,

**PERMOHONAN MENJADIKAN RUMAH KEDIAMAN SEDIA ADA DI NO.3, JALAN DELIMA 2/3, TAMAN SETIA JAYA, SEKSYEN 36, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR SEBAGAI PENGINAPAN PEKERJA SECARA SEMENTARA DI BAWAH KEPERLUAN PERUNTUKAN SUB SEKSYEN 24H. AKTA STANDARD MINIMUM PERUMAHAN, PENGINAPAN DAN KEMUDAHAN PEKERJA (PINDAAN) 2019 (AKTA 446).**

- ***Persetujuan Penginapan Pekerja Secara Sementara***

---

Dengan segala hormatnya, saya merujuk perkara di atas dan permohonan pihak tuan bertarikh....., bil.rujukan..... adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, setelah meneliti permohonan dan dokumen yang telah dikemukakan sebelum ini dan menurut peruntukan di bawah Sub seksyen 24H. Akta 446, pihak Majlis secara dasarnya memberikan persetujuan untuk membenarkan unit rumah kediaman **DI NO.3, JALAN DELIMA 2/3, TAMAN SETIA JAYA, SEKSYEN 36, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR** sebagai penginapan pekerja secara sementara sehingga 31 Disember 2023 sebagaimana Pekeliling Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bil.1/2021 : Prosedur Permohonan Bagi Penyediaan Penginapan Pekerja Secara Jangka Pendek.

Kebenaran ini diberikan dengan syarat-syarat berikut :

- 2.1 Kediaman asal tidak melibatkan sebarang pengubah suaian dalaman maupun luaran;
- 2.2 Perlu menyelesaikan tunggakan cukai pintu/taksiran (sekiranya ada);

- 2.3 Mematuhi Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan Dan Kemudahan Pekerja 2019 (Akta 446);
- 2.4 Pihak majikan/pemunya unit bertanggungjawab sepenuhnya bagi aspek keselamatan;
- 2.5 Tidak melibatkan sebarang kacau ganggu dan sentiasa memastikan kawasan persekitaran yang bersih dan teratur;
- 2.6 Hanya nama pekerja seperti dikemukakan semasa permohonan ini sahaja dibenarkan. Namun demikian, bilangan kapasiti akhir pekerja yang menginap adalah tertakluk di bawah kebenaran Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM).
- 2.7 Tidak dibenar menjalankan sebarang aktiviti/program/keraian yang melibatkan kumpulan ramai orang;
- 2.8 Tidak dibenar memelihara haiwan ternakan/peliharaan;
- 2.9 Tidak dibenar membuat sebarang bentuk aktiviti atau perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan undang-undang sedia ada;
- 2.10 Sekiranya terdapat salah seorang daripada pekerja yang positif Covid-19, prosedur KKM perlu lah dipatuhi.

2.11 Syarat-syarat tambahan lain:.....

3. Sekiranya didapati dengan bukti yang jelas terdapat sebarang pelanggaran syarat-syarat di atas dengan niat atau tanpa niat, pihak majikan dan penyewa unit berkenaan akan bertanggungjawab sepenuhnya dan pihak Majlis akan menarik semula persetujuan ini serta unit tersebut perlu dikoosongkan dengan segera dan dikembalikan semula sebagai kediaman/premis asal.

4. Dengan persetujuan ini, pihak tuan bolehlah mengambil tindakan lanjut untuk dikemukakan kepada pihak JTKSM untuk proses seterusnya. Pihak tuan diminta mengemukakan sesalinan Perakuan Penginapan daripada JTKSM setelah dipersetujui kepada pihak Majlis untuk tujuan rekod dan pemantauan.

Kerjasama dan perhatian lanjut pihak tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

Saya yang mejalankan amanah,

(Pengarah Perancang Bandar PBT)